KESELAMATAN

Majikan, pekerja perlu patuhi prosedur SOP elak kemalangan

FORUM
Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.

Keselamatan di tempat kerja perlu menjadi perkara utama dititikberatkan semua pihak sama ada majikan mahupun pekerja. Semua pihak perlu saling memberi kerjasama untuk memastikan segala prosedur operasi standard (SOP), polisi serta peraturan membabitkan aspek keselamatan di tempat kerja dipatuhi sepanjang masa.

Baru-baru ini media melaporkan seorang pekerja maut dan seorang lagi tercedera dalam kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) Semantan, Kuala Lumpur. Dalam kejadian itu, tiga pekerja warga Bangladesh sedang memasang kerangka besi tetulang. Apabila ikatan antara besi berkenaan dan kerangka terputus, besi berkenaan jatuh menimpa pekerja terbabit. Seorang daripada mereka mati di tempat kejadian, seorang lagi cedera dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur. Seorang lagi tidak mengalami sebarang kecederaan. Pada Ogos tahun lalu, tiga pekerja warga Bangladesh maut akibat ditimpa struktur konkrit seberat 300 tan di tapak projek MRT di Kota Damansara.



Penting untuk semua pihak melihat semula segala SOP, polisi serta peraturan ***membabitkan aspek keselamatan di tempat kerja.***
[GAMBAR HIASAN]

Melihat semula segala SOP

Sementara pihak berkuasa giat menjalankan siasatan berhubung kemalangan itu, penting untuk semua pihak melihat semula segala SOP, polisi serta peraturan membabitkan aspek keselamatan di tempat kerja. Mungkin terdapat beberapa perkara yang boleh ditambah baik serta dilihat semula bagi memastikan segala SOP, polisi serta peraturan membabitkan aspek keselamatan di tempat kerja dapat disesuaikan dengan keadaan semasa serta dapat disesuaikan dengan sesuatu tempat atau jenis pekerjaan.

Namun, perkara pokok yang paling utama adalah aspek pematuhan ke atas segala SOP, polisi serta peraturan membabitkan aspek keselamatan di tempat kerja oleh semua pihak di tempat kerja itu sendiri. Majikan dan pekerja perlu saling bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran menjaga keselamatan di tempat kerja kerana sebarang insiden kemalangan bukan sahaja akan menjejaskan individu terbabit malah memberi kesan dari segi kos kepada organisasi serta menjejaskan pendapatan semua pihak terbabit di kawasan tempat kerja berkenaan.

Aspek pencegahan kemalangan di tempat kerja akan menjadi efektif sekiranya majikan dan pekerja sedar akan tanggungjawab masing-masing serta memahami kepentingan mempunyai budaya dan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pihak.

Meningkatkan tahap kesedaran

Pelbagai usaha dilakukan kerajaan terutama melalui Kementerian Sumber Manusia serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan isu ini bagi meningkatkan tahap kesedaran serta menghasilkan beberapa prosedur dan polisi bagi terus menjamin aspek keselamatan semua pihak di tempat kerja sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Antara langkah paling drastik yang diambil ialah memperkenalkan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 (Akta 514) yang dikuatkuasakan semenjak tahun 1994. Akta 514 memberi fokus ke arah pembentukan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini buat sekian lama.

Seksyen 15 (1) & (2) akta terbabit jelas memperuntukkan kewajipan setiap majikan serta setiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

Pastikan tidak terdedah bahaya

Kewajipan lain diperuntukkan melalui akta terbabit juga adalah dengan memastikan majikan dan orang yang bekerja sendiri menyediakan satu Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, memastikan orang lain selain pekerjanya tidak terdedah kepada bahaya dihasilkan daripada aktiviti dijalankan oleh beliau serta memberitahu orang lain tentang aktiviti dijalankannya dan memberi maklumat kepada orang lain berkenaan aspek cara pengusahanya yang boleh menyentuh keselamatan dan kesihatan orang lain.

Semua ini jelas termaktub di bawah Seksyen 16, 17 & 18 Akta 514. Kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan boleh menyebabkan majikan dikenakan denda sebanyak RM50,000 atau dua tahun penjara ataupun keduanya seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 19 akta terbabit.

Perkara membabitkan aspek keselamatan di tempat kerja tidak boleh dipandang ringan semua pihak. Ia hendaklah diberikan perhatian sewajarnya dan dipandang serius bagi mengelak perkara tidak diundang daripada berlaku.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia